

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 18 MAC 2023  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 29

## Kaji beri pendidikan percuma TVET

# Kaji beri pendidikan percuma TVET

Keupayaan graduan KYNS dapat pekerjaan cetus hasrat kerajaan negeri tanggung kos pengajian pelajar

Oleh **NORAFIDAH ASSAN**  
**SEREMBAN**

**K**erajaan Negeri Sembilan dalam peringkat kajian untuk membenarkan pendidikan percuma kepada pelajar yang menyambung pengajian di Kolej Yayasan Negeri Sembilan (KYNS).

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, beliau tidak menafikan KYNS berperanan besar membantu kerajaan membangunkan negara melalui penyediaan tenaga mahir dan separa mahir.

"Ia bagi memenuhi keperluan industri, seiring dengan hasrat

kerajaan menjadikan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET) sebagai pendidikan arus perdana negara hari ini.

"Malah berdasarkan laporan, 83 peratus pelajar kita berjaya mendapat pekerjaan selepas tamat pengajian.

"Sehubungan itu, pelajar-pelajar yang perlukan pengajian TVET kita akan bagi mereka duduk dan belajar peringkat sijil ataupun diploma secara percuma, itu, yang akan kita laksanakan," katanya selepas selesai Majlis Konvokesyen Kolej Yayasan Negeri Sembilan ke-9 di sini pada Jumaat.

Jelas beliau lagi, bagi tujuan pendidikan percuma di institusi tersebut, pihaknya kini sedang membuat kajian mengenai jumlah kos yang diperlukan sebelum ia dapat dilaksanakan.

"Dengan ini, KYNS akan dapat menerima lebih ramai pelajar," katanya.

Dalam pada itu, Aminuddin berkata, dengan pengiktirafan yang telah diperolehi daripada



Aminuddin (dua dari kiri) ketika menyampaikan sijil kepada graduan yang terlibat sempena Majlis Konvokesyen KYNS pada Jumaat.

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) dan pelbagai agensi lain, KYNS sudah bersedia untuk menjadi destinasi utama para belia khususnya lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

"Selepas menamatkan pengajian di peringkat sijil dan di-

ploma, bagi graduan yang mampu dan berminat, boleh meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi iaitu di peringkat universiti sama ada ijazah, sarjana dan PhD," ujar beliau.

Katanya, kerajaan negeri tidak akan berhenti dalam usaha

meningkatkan kualiti dan kemudahan dalam semua aspek, termasuk pengurusan dan kepimpinan KYNS.

"Perkara ini akan dilakukan secara berterusan tanpa noktah, sehinggalah kita berjaya menjadikan institusi ini setanding di peringkat nasional dan antarabangsa," katanya.

Dalam majlis tersebut, seramai 580 graduan berjaya menerima sijil dan diploma masing-masing.

Sebelum ini, KYNS dikenali sebagai tiga institusi yang berbeza iaitu, Institut Teknologi Yayasan Negeri Sembilan (ITYNS), Institut Pelancongan dan Perhotelan Negeri Sembilan (IPPNS) dan Institut Pengurusan dan Perindustrian Yayasan Negeri Sembilan (IPPYNS).

Di bawah program penjenamaan semula ketiga-tiga institut itu telah digabungkan dan diletakkan di bawah satu bumbung serta dijenamakan semula dengan logonya yang baharu.